



UNTUK KENYATAAN SEGERA

## **Pelancaran Insentif Penggabungan dan Pengambilalihan Penyedia Perkhidmatan Kecil dan Sederhana**

KUALA LUMPUR, 14 Februari - Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri hari ini melancarkan insentif baharu bagi Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A) Penyedia Perkhidmatan Kecil dan Sederhana di SME Corporation Malaysia. Sempena dengan pelancaran ini, SME Corp. Malaysia telah menganjurkan 'Hari Perkhidmatan Profesional PKS' yang disertai oleh PKS dan persatuan industri berkaitan. Kemuncak sesi separuh hari tersebut adalah taklimat mengenai butiran insentif M&A termasuk proses permohonannya. Para peserta juga diberi taklimat mengenai insentif lain yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan; proses berkenaan penggabungan dan pengambilalihan; serta liberalisasi sektor perkhidmatan yang sedang berlangsung.

Insentif Penggabungan dan Pengambilalihan Penyedia Perkhidmatan Kecil dan Sederhana pertama kali diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai sebahagian daripada pakej insentif bagi mempertingkatkan daya saing sektor perkhidmatan domestik. Walaupun Malaysia mempunyai ramai profesional berkemahiran, kebanyakan daripada penyedia perkhidmatan tersebut adalah bertaburan dan didominasi oleh firma kecil. Oleh itu, insentif ini bertujuan menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan PKS bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka supaya mereka dapat bersaing dalam persekitaran pasaran lebih liberal.

Insentif M&A ini dibuka untuk permohonan sehingga Julai 2015. Pemohon yang berjaya akan menikmati kadar cukai rata sebanyak 20% ke atas semua pendapatan boleh cukai yang diperolehi oleh syarikat yang digabungkan untuk tempoh lima (5) tahun. Di samping itu, duti setem ke atas dokumen penggabungan dan pengambilalihan juga akan dikecualikan. Bagi mendapat manfaat daripada insentif ini, syarikat mestilah 100% milik rakyat Malaysia dan merupakan PKS berdasarkan kepada definisi baharu, iaitu jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang. PKS dalam perkhidmatan profesional (amalan perubatan dan pergigian khusus serta perakaunan, percukaian, seni bina dan kejuruteraan), perkhidmatan kurier, perkhidmatan pendidikan menengah teknikal dan vokasional swasta dan perkhidmatan latihan kemahiran layak memohon insentif ini.

Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada SME Corp. Malaysia yang berperanan sebagai pusat rujukan setempat bagi pemprosesan, pengesahan dan kelulusan insentif ini. Borang tersebut boleh dimuat turun dari laman web SME Corp. Malaysia di [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my).

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Encik Mohd bin Atan, Timbalan Pengarah  
Bahagian Ekonomi dan Perancangan Dasar  
Tel : 03 2775 6289  
E-mel : [mohd@smecorp.gov.my](mailto:mohd@smecorp.gov.my)

Encik Hisham Taharudin, Pengurus Kanan  
Bahagian Ekonomi dan Perancangan Dasar  
Tel : 03 2775 6109  
E-mel : [hisham@smecorp.gov.my](mailto:hisham@smecorp.gov.my)

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORPORATION MALAYSIA)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon : 603-2775 6000

Faks : 603-2775 6001

Lawan Web : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat yang merangka dasar dan strategi keseluruhan untuk PKS dan menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS merentasi semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertanggungjawab sebagai pusat rujukan untuk penyelidikan dan penyebaran data mengenai PKS serta menyediakan khidmat nasihat kepada PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.